

07/05/2004

Nor Mohamed terima lagi Anugerah Lariba California

TAN Sri Nor Mohamed Yakcop dipilih menerima Anugerah Pencapaian Life-Time Lariba daripada American Finance House Lariba atas sumbangannya dalam membantu ekonomi Malaysia menghadapi krisis ekonomi Asia pada 1997/1998.

Anugerah itu disampaikan pengasas Lariba, Dr Yahia Khairy Abdul Rahman di California pada Sabtu lalu sebagai mengiktiraf usaha Menteri Kewangan Kedua itu dalam membantu menyelamatkan dan menyusun semula pelbagai syarikat berikutan krisis berkenaan.

Ini adalah kali kedua berturut-turut personaliti dari Malaysia mendapat anugerah daripada Lariba. Pada tahun 2000, Tun Dr Mahathir Mohamad diberikan anugerah oleh Lariba kerana kepimpinannya mempertahankan mungkin ekonomi Malaysia.

Anugerah Pencapaian Life-Time Lariba itu ialah pengiktirafan kedua yang diberikan oleh syarikat kewangan Islam berpangkalan di Amerika Syarikat itu kepada Nor Mohamed.

Ketika menjadi penasihat Bank Negara pada 1995, beliau turut diberikan Anugerah Lariba kerana Kecemerlangan dalam Perbankan Islam.

Lariba ialah syarikat kewangan bebas yang ditubuhkan di California pada 1987 untuk menawarkan pembiayaan berasaskan Syariah kepada masyarakat Islam dan bukan Islam di Amerika Syarikat.

Lariba adalah singkatan Los Angeles Reliable Investment Bankers Associates. Syarikat kewangan berpangkalan di Pasadena, California itu kini mempunyai cawangan di 13 negeri di Amerika.

Nor Mohamed menyertai Bank Negara sebagai kerani pada September 1968 dan dinaikkan pangkat hingga sehingga menjadi Penasihat pada 1989 dalam usia 42 tahun. Beliau meninggalkan Bank Negara pada 1994 dan menyertai sektor swasta.

Ketika di Bank Negara, beliau terbabit dengan pembangunan pelbagai aspek penting termasuk merumuskan Sistem Perbankan Islam, menubuhkan Suruhanjaya Sekuriti, Cagamas dan Rating Agency Malaysia selain membina hubungan perdagangan dua hala.

Ketika krisis ekonomi Asia pada 1997/98, Nor Mohamed dipanggil semula oleh Dr Mahathir untuk 'khidmat negara' yang termasuk merumus langkah kawalan modal berpilih-pilih dan tambatan nilai ringgit pada dolar Amerika.

Dr Mahathir kemudian melantik Nor Mohamed sebagai Penasihat Ekonomi Khas pada Mei 2000 sebelum Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melantiknya sebagai Menteri Kewangan Kedua pada Januari 2004, jawatan yang dipegangnya hingga kini.

(END)